

05 JAN 2002

Calon-Khidmat

OUI JANJIKAN KHIDMAT CEMERLANG DI INDERA KAYANGAN

KANGAR, 5 Jan (Bernama) -- Calon Barisan Nasional (BN) bagi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Indera Kayangan, Oui Ah Lan berjanji akan berkhidmat dengan cemerlang di kawasan itu sekiranya dipilih.

Ketua Wanita MCA Perlis itu berkata kawasan Indera Kayangan sudah begitu sehati dengannya kerana beliau bukan sahaja menetap di situ malah menjadi guru selama 20 tahun di kawasan yang sama.

Bercakap kepada pemberita selepas diumumkan sebagai calon BN bagi pilihan raya kecil itu, Oui, 59, yang juga pengerusi MCA bahagian Arau yakin pemilihannya mampu meningkatkan keyakinan pemilih terhadap BN.

Pilihan raya kecil bagi kerusi Indera Kayangan akan diadakan pada 19 Jan berikutan kematian wakilnya, Datuk Khor Liang Tee pada 19 Dis lepas.

Oui yang juga bekas guru besar berkata, beliau akan meneruskan perkhidmatan cemerlang mendiang Khor di kawasan itu.

Oui berkata pemilihannya sebagai calon adalah merupakan satu penghormatan kepada Wanita MCA.

Beliau berterima kasih kepada pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan presiden MCA kerana memberi kepercayaan kepadanya menjadi calon bagi kerusi itu.

Sementara itu, ketua wanita MCA, Datuk Dr Ng Yen Yen turut mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana memilih calon wanita untuk mewakili BN.

Menurutnya, Wanita MCA akan menggerakkan seluruh kekuatannya untuk menarik sokongan pengundi terhadap BN.

Ketua Wanita Umno Perlis, Mastika Junaidah Hussin pula berkata pemilihan Oui sebagai calon membuktikan kerajaan BN tidak mengketepikan peranan wanita.

Sementara itu, Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim berkata jentera pilihan raya BN sudah digerakkan manakala kempen pula akan dimulakan selepas penamaan calon 10 Jan ini.

-- BERNAMA

AD SP MOZ